



## PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR

ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK

KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDARPUTERI

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi jawatan berikut :-

<b>Nama Jawatan</b>	<b>: Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: Kontrak</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>: Pelaksana</b>
<b>Kekosongan</b>	<b>: 1</b>

#### **SYARAT LANTIKAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19 :**

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N 19 : RM1,352.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N 19 : RM1,408.40); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N 19 : RM1,464.80).

#### **SYARAT BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Deskripsi Tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

## CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

1. Permohonan hendaklah dengan dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>
2. **TARIKH BUKA PERMOHONAN : 24 MEI 2023 (9.00 PAGI)**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 5 JUN 2023 (11.00 MALAM)**
3. **Catatan am :**
  - i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan / senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
  - ii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temuduga**, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, **secara fizikal**.
  - iii. Cetak borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
  - iv. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.
  - v. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.
  - vi. Semua permohonan hendaklah disertakan salinan semakan pengiktirafan Sijil/ Diploma/ Ijazah daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/mqr> (bagi jawatan berkaitan)